

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 October 2015



UNIVERSITI Islam Malaysia (UIM) akan membantu mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menjadi rujukan kepada sistem kewangan Islam di dunia berikutan pelancaran CIMB Islamic-Pnmao' Islamic Finance Library di Cyberjaya esok.

Perpustakaan yang menyediakan bahan-bahan khusus dalam bidang kewangan Islam itu adalah yang pertama umpamanya diwujudkan di negara ini. Kewujudan perpustakaan itu dijangka mampu menarik penggubal undang-undang, penyelidik dan pelajar pascasiswazah dari dalam dan luar negara untuk membuat rujukan.

Sehubungan itu, Presiden UIM, Tan Sri Prof. Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, pihak universiti akan berusaha untuk mengukuhkan imej perpustakaan itu sehingga dikenali di peringkat antarabangsa dengan mengenal pasti pihak-pihak yang mempunyai kaitan dengan kewangan Islam di zaman lampau.

Menurut beliau, pihak perpustakaan akan berusaha mendapatkan koleksi sistem pengurusan kewangan Islam yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah Dinasti Abbasid yang dikenali sebagai Zaman Emas Tamadun Islam pada 750 hingga 1258 selepas Masehi (AD).

"Perpustakaan ini bukan sekadar mempamerkan bahan-bahan rujukan mengenai kewangan Islam malah ingin membuktikan bahawa Kewangan Islam Dunia Ketiga ini bukan baharu diperkenalkan tetapi sudah diguna pakai oleh orang-orang Islam pada zaman silam.

"Pihak UIM juga berusaha untuk mendapatkan bahan-bahan berkaitan dalam bentuk buku dan manuskrip pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasid yang dimiliki dan dalam simpanan individu-individu tertentu. Usaha-usaha tersebut akan dilakukan oleh Bahagian Warisan UIM yang membuat rundingan dengan pihak-pihak tertentu," kata beliau di pejabatnya di UIM, Cyberjaya baru-baru ini.

Menurut beliau, bahan-bahan tersebut mungkin terdapat di Turki dan di negara-negara Barat berilaitan beberapa pihak orientalis sebelum ini telah menjelajah ke merata tempat untuk mengutip manuskrip-manuskrip terbit dan seterusnya disimpan di perpustakaan-perpustakaan di negara masing-masing.



Sementara itu Mohd. Yusof memberitahu, Raja Muda Perlis, Tuan-ku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang turut diiringi Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil mencemar duli untuk menyempurnakan majlis pelancaran CIMB Islamic-Primary Islamic Finance Library di UIM esok.

Beliau turut memberitahu, penubuhan perpustakaan yang kini mempunyai 3,000 buah koleksi berupa bahan-bahan rujukan kewangan Islam itu adalah hasil sumbangan sebanyak Rm1 juta dari CIMB Islamic melalui Institut Pengurusan Wakaf & Kewangan Islam atau singkatannya i-WAFA.

Perpustakaan ini adalah yang pertama disumbangkan kepada sebuah Institusi Pengajian Tinggi

(IPT) oleh sebuah institusi perbankan negara yang mempunyai koleksi khas dalam bidang kewangan Islam. CIMB Islamic juga turut menyumbang sebanyak RM 1 juta kepada UIM untuk tujuan kursi penyelidikan pengurusan Wakaf dan Kewangan Islam untuk tempoh tiga tahun.

Sesuai dengan kedudukan UIM sebagai sebuah IPT dan perintis dalam agenda wakaf pendidikan yang diperkasa melalui visinya, UIM menekankan gabungan pengetahuan dan kebijaksanaan sebagai satu kesatuan untuk melahirkan ilmu dan pemikir yang berwawasan dan berimbang.

Berhubung teknologi yang akan diguna pakai di perpustakaan itu, Mohd. Yusof berkata, pihaknya sentiasa mencari kaedah terbaik, terkini dan paling cepat untuk memberi bahan-bahan rujukan yang diperlukan oleh pengguna termasuk penggunaan sistem e-book.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, pihak UIM mempunyai dasar untuk membeli bahan-bahan rujukan sebanyak 70 peratus dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain manakala 30 peratus lagi dalam bahasa Arab iaitu selaras dengan permintaan golongan penyelidik dan pelajar semasa.

"Saya berharap perpustakaan yang dikhususkan untuk kewangan Islam ini akan mengukuhkan kedudukan UIM sebagai universiti pascasiswazah yang unggul di rantau ini," tegas Mohd. Yusof.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Yusof memberitahu, pada pemerhatiannya, semakin ramai pelanggan bukan Islam berminat menggunakan sistem kewangan Islam berikutan mula menyedari tentang keberkesannya dalam membantu sektor kewangan di negara ini.